

Cagamas terbit CMTN tiga tahun RM580 juta

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Bhd. (Cagamas) mengumumkan penerbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) tiga tahun berjumlah RM580 juta dengan perolehan daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, terbitan tersebut berjaya dijual pada hasil akhir sebanyak 3.75 peratus yang mewakili 13 mata asas dalam tempoh 12 bulan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala

Lumpur (KLIBOR).

Katanya, terbitan itu juga berjaya menarik pelabur yang pelbagai dan akaun asing terdiri daripada dana kekayaan berdaulat, dana pencen, institusi kewangan, kumpulan insurans dan syarikat-syarikat pengurusan aset, merangkumi akaun baharu dalam dan luar negara.

“Walaupun terpaksa bersaing terbitan lain pada hari yang sama, bekalan yang lebih rendah daripada kredit gred tinggi bertarikh



CHUNG CHEE LEON

pendek dalam pasaran domestik telah mendorong pelabur dari pelbagai segmen pasaran untuk mengambil bahagian dalam terbitan Syarikat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehingga hari ini Cagamas telah berjaya menerbitkan sejumlah RM6.9 bilion

di pasaran utama yang terdiri daripada RM5.5 bilion mata wang domestik dan RM1.4 bilion mata wang asing.